

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 11

## Pilihan tepat program TVET jamin peluang kerja

# Pilihan tepat program TVET jamin peluang kerja



Oleh Suhaila Abdul Samad  
bhrencana@bh.com.my

Pengarah Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas

**Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET)** bukan satu perkara asing di Malaysia, tetapi ia sering disalah erti sebagai pendidikan pilihan kedua dan hanya layak untuk individu kurang cemerlang dari segi pencapaian akademik.

Ramai juga di antara kita tidak menyedari bidang TVET menyediakan peluang pekerjaan banyak dengan gaji agak lumayan. Namun, senario kerap berlaku pada masa kini adalah apabila bakal pelajar tidak membuat persediaan awal untuk mengenali program latihan atau pengajian

hendak diikuti.

Kesilapan memilih program latihan menyebabkan penuntut hilang minat meneruskan latihan sehingga ada yang berhenti separuh jalan. Ada juga penuntut berdepan kekurangan sumber kewangan untuk menampung pengajian.

Hal ini memberi kesan kepada negara yang mana saban hari dihimpit dengan isu kekurangan pekerja mahir dalam industri apabila belia atau graduan mahir ini tidak meneruskan kerjaya mereka atas alasan tidak berminat dengan kerja terbabit.

Justeru, bakal pelajar seharusnya memahami kehendak dan minat mereka terlebih dahulu sebelum memohon sesuatu program latihan TVET hendak

diikuti, sama ada peringkat sijil, diploma atau ijazah.

Antara faktor perlu diberi pertimbangan sebelum memilih mengikuti TVET adalah kemampuan penyedia latihan, kemudahan disediakan seperti penginapan, fasiliti sukan dan ko-kurikulum, termasuk kemudahan pengangkutan serta kemudahan kewangan atau pinjaman disediakan.

### **Pilih program diiktiraf**

Pemilihan program diiktiraf kerajaan amat penting dalam memberi jaminan pekerjaan graduan bagi memenuhi syarat pekerjaan dalam sektor awam dan industri.

Bakal pelajar juga perlu mengkaji peluang kerjaya boleh diceburi selepas menamatkan latihan. Ia termasuk memahami situasi serta suasana pekerjaan berdasarkan program dipilih, terutama dari segi risiko bakal dihadapi dan lokasi pekerjaan terbabit.

Pemahaman mengenai kerjaya boleh diceburi amat penting ketika memilih sesuatu program latihan TVET bersesuaian supaya apabila tamat pengajian, graduan tiada masalah untuk mendapatkan pekerjaan.

Bakal pelajar juga wajar mendapatkan maklumat mengenai penyedia latihan menawarkan program berkenaan. Ini bagi memberi gambaran awal kepada bakal pelajar mengenai kemudahan disediakan serta aktiviti dijalankan.

Kemudahan kewangan atau pinjaman latihan ditawarkan atau boleh dimohon ketika mengikuti sesuatu program latihan TVET juga patut diambil kira bakal pelajar.

Kadar yuran adalah berbeza mengikut program latihan TVET yang mana ada sebahagian program memerlukan kos latihan tinggi seperti program berkaitan penerbangan, mekatronik dan semikonduktor.

Agensi latihan awam seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) menawarkan pengajian percuma berserta elaun latihan dengan kemudahan makan, minum dan penginapan.

Bagi penyedia latihan lain seperti Pusat Latihan Kemahiran Tinggi (ADTEC) dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI), termasuk penyedia latihan swasta, bakal pelajar boleh mendapatkan kemudahan pinjaman latihan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Apa yang penting, bakal pelajar perlu membuat keputusan bijak sebelum memohon program latihan TVET yang hendak diikuti. Ibu bapa dan sekolah juga perlu memainkan peranan membantu pelajar ini memperoleh maklumat tepat supaya mereka dapat membuat keputusan betul selaras dengan kecenderungan dan minat mereka serta kemampuan kewangan.